

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
UiTM CAWANGAN SELANGOR
TEMA: "RAYA HIJAU LESTARI"

22 APRIL 2025 | SELASA | 10.00 PAGI
DEWAN BERLIAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL ANBIYAI
WAL MURSALIN WA ALA ALIHI WASOHBIHI
AJMAIN**

YBrs. Profesor Dr Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi

YBrs. Profesor Dr Norazmir Md Nor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah
Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri,
Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE)

YBrs. Profesor Dr Mohd Haidzir Abd Manaf

Penolong Rektor Kampus Sungai Buloh, Selayang
dan Teluk Intan

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan
Merangkap Penasihat Program

YBrs. Puan Noor Alzura Alang Idris

Ketua Timbalan Bendahari
Merangkap Pengarah Program

YBrs. Puan Nor Azyyati Md Saad

Koordinator Komunikasi Korporat
Merangkap Timbalan Pengarah Program

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM
Cawangan Selangor

Barisan Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar

Ahli Jawatankuasa Penganjur

Yang diraikan,

Tuan-tuan dan puan-puan, warga UiTM Cawangan Selangor yang saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada hari yang penuh barakah ini dalam suasana ceria, harmoni dan penuh kesyukuran bagi meraikan **Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri UiTM Cawangan Selangor 2025.**

2. Dalam keriangin kita menyambut Syawal, kita juga menzahirkan rasa keinsafan dan kesedaran atas segala ujian yang dihadapi.
3. Kita sedia maklum bahawa terdapat dikalangan warga UiTM yang terkesan dengan **insiden kebakaran paip gas yang berlaku di Putra Heights, Subang Jaya pada tanggal 1 April 2025, bersamaan 2 Syawal** baru-baru ini.
4. Justeru marilah kita semua mendoakan agar mereka terus diberikan kekuatan dan perlindungan oleh Allah SWT.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Tema Majlis Sambutan Aidilfitri UiTM Cawangan Selangor tahun ini iaitu **"Raya Hijau Lestari"** membawa satu kelainan yang amat bermakna.

6. Ia bukan sahaja mencerminkan semangat perayaan, malah menyuntik nilai murni dalam memelihara alam sekitar, yakni satu usaha kecil yang memberi makna besar untuk kelestarian bumi kita.
7. Saya amat menghargai kreativiti dan usaha semua pihak yang menjayakan konsep Hijau Lestari ini dengan hiasan dan dekorasi menggunakan bahan-bahan terpakai seperti kertas, plastik dan kaca yang boleh dikitar semula.
8. Ia menunjukkan bahawa dalam kita meraikan perayaan, kita juga mampu menyuntik kesedaran dan tanggungjawab terhadap alam sekitar.
9. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri atas usaha gigih dan kerjasama

erat dalam memastikan kelancaran penganjuran majlis ini.

10. Keterlibatan pelbagai Bahagian dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menunjukkan bahawa semangat bergotong-royong dan kebersamaan dalam kalangan warga UCS sentiasa subur dan utuh.

11. Sesungguhnya, Aidilfitri bukan hanya hari kemenangan selepas sebulan berpuasa tetapi juga ruang untuk memperkukuh hubungan dan persaudaraan.

12. Dalam semangat hijau dan lestari, marilah kita terus menyemai nilai kasih sayang, toleransi dan tanggungjawab sosial, bukan hanya sesama manusia malah juga kepada alam dan makhluk sekitarnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Majlis ini bukan sekadar untuk kita menikmati juadah dan meluangkan masa bersama, tetapi menjadi medium terbaik untuk kita menyulam kembali ukhuwah, memperkuat jaringan silaturahim dan menyuburkan semangat kekitaan yang menjadi teras kepada kecemerlangan UiTM Cawangan Selangor.

14. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan ini.

15. Teruslah menyumbang dengan penuh dedikasi dan iltizam demi membina UiTM yang lestari, inklusif dan progresif.

16. Selamat menikmati jamuan yang disediakan dan manfaatkanlah peluang ini untuk saling bermaaf-maafan dan merapatkan ukhwah sesama kita.

Majlis Aidilfitri dirai istimewa,
Hijau lestari menghias dewan,
Moga Syawal mendidik jiwa,
Menjadi insan penuh keinsafan.

Dalam senyuman kita bersua,
Dalam doa kita bersatu,
Moga Syawal membawa bahagia,
Maaf dipinta tulus dari kalbu.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**